



Mengenal Dialek Kelantan

Judul Buku : *Glosari Dialek Kelantan*
Penulis : *Haji Abdul Jalil Haji Anuar, Abdul Hamid Mahmood, Tengku Fauziah Ku Mat, Haji Abdullah Haji Salleh, Ismail Salleh*
Penerbit Tahun : *Dewan Bahasa dan Pustaka 2016*
Harga : *RM25.00*
Pengulas : *Junawati Ab Hamid*

DIALEK yang disebut juga loghat atau bahasa daerah merupakan kelainan dalam sesuatu bahasa yang menjadi ciri golongan tertentu dalam kalangan penutur sesuatu bahasa itu. Walaupun penamaan dialek tersebut tidak mengikut amalan linguistik umum, namun kaedah penamaan ini adalah untuk memudahkan semua pihak.

Di Malaysia terdapat pelbagai dialek yang dinamakan mengikut negeri di Semenanjung Malaysia, yang merupakan sempadan geopolitik, iaitu sempadan negeri. Antara dialek tersebut, termasuklah dialek Kelantan. Selain itu, dialek-dialek lain termasuklah dialek Terengganu, dialek Pahang, dialek Johor, dialek Melaka, dialek Negeri Sembilan, dialek Perak, dialek Kedah, dan dialek Pulau Pinang. Setiap dialek mempunyai ciri-ciri sistem bunyi (fonologi) dan perbendaharaan kata (leksikal) yang tersendiri yang membezakan antara satu dialek daripada dialek yang lain. Kewujudan dialek-dialek ini memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu dan khazanah persuratan Melayu.

Dengan terbitnya buku *Glosari Dialek Kelantan* ini, dapatlah digunakan oleh pengguna bahasa untuk melihat perbezaan penggunaan dialek yang digunakan dalam

sesuatu negeri, khususnya negeri Kelantan. *Glosari Dialek Kelantan* merupakan salah satu daripada sembilan glosari dialek yang telah berjaya dihasilkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Lapan lagi glosari yang telah diterbitkan ialah *Glosari Terengganu Edisi kedua*, *Glosari Kedah Edisi kedua*, *Glosari Pahang*, *Glosari Perak*, *Glosari Pulau Pinang*, *Glosari Melaka*, *Glosari Negeri Sembilan*, dan *Glosari Johor*.

Usaha-usaha pengumpulan dan pendokumentasian kata-kata dialek Melayu ini dilakukan dengan suatu tekad, iaitu untuk memelihara khazanah tersebut daripada lupus. Antara tanda keluputan kata dialek ini dapat dilihat dengan berkurangnya penggunaan kata-kata dialek berkenaan dalam kalangan pengguna yang berbahasa Melayu. Dengan terbitnya glosari dialek ini, kosa kata dialek yang pernah dan masih digunakan oleh masyarakat penutur dialek ini terdokumentasi dan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak, terutamanya para penyelidik dialek, pelajar dan pendidik. Selain itu, glosari yang diterbitkan ini juga boleh digunakan untuk tujuan penyusunan kamus dialek dan kamus umum yang lain. Pada dasarnya, tujuan utama penyusunan glosari

dialek ini adalah untuk memperkaya istilah bahasa Melayu dalam pelbagai bidang.

Secara keseluruhannya, glosari ini mengandungi sebahagian besar kosa kata dialek Kelantan yang dapat dikesan daripada masyarakat penutur. Sebanyak 1017 entri telah dapat dikumpulkan daripada dua sumber utama, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Data kepustakaan terdiri daripada entri dalam *Kamus Dewan* yang ditandai label **KI** sebagai glosari Kelantan dan kata-kata daripada bahan terbitan lain di Kelantan yang jarang-jarang digunakan di tempat lain atau dalam bahasa Melayu baku. Data lapangan pula terdiri daripada kata-kata yang dikesan oleh penyelidik, hasil temu bual mereka dengan anggota masyarakat di beberapa daerah dalam negeri Kelantan. Semua data yang didapati merupakan perbendaharaan kata dialek Kelantan seperti yang dituturkan oleh orang-orang Melayu setempat di daerah sekitarnya.

Sebagai bahan bacaan dan rujukan umum, glosari ini dilengkapi dengan maklumat asas yang diperlukan oleh pembaca atau penyelidik. Maklumat yang dimasukkan dalam glosari ini ialah kata masukan (entri), transkripsi sebutannya, kelas kata, makna, contoh ayat mengikut bentuk (ayat dialek), sebutan dialek, dan maksudnya dalam bahasa Melayu baku.

Ayat contoh dimasukkan untuk memberikan gambaran kasar tentang pola dan bentuk ayat dialek yang mengandungi kata dialek yang dibicarakan. Maksud dalam bahasa Melayu baku pula disediakan untuk membantu pembaca memahami ayat dialek tersebut. Walau bagaimanapun, beberapa entri tidak diberikan ayat contoh kerana takrifannya sudah memadai untuk menjelaskan maksud dan konteks penggunaan dalam ayat, seperti entri yang berkaitan dengan flora dan fauna.

Kelas kata yang ditandakan bagi sesuatu entri dialek adalah berdasarkan penggolongan kelas kata dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993). Empat kelas kata utama yang digunakan ialah kata nama, kata kerja, kata sifat, dan kata tugas. Namun demikian, entri frasa tidak dilengkapi dengan kelas kata.

Entri yang dipilih untuk glosari ini terbahagi kepada empat bentuk utama, iaitu:

- (i) Kata dialek yang belum tercatat dalam mana-mana edisi *Kamus Dewan*. Contohnya, entri **jelong** dalam *Glosari Dialek Kelantan* bermakna "memasukkan air pada kepala orang yang demam atau sakit". Entri ini masih belum tercatat dalam *Kamus Dewan*.
- (ii) Entri yang dikumpulkan sudah ada dalam *Kamus Dewan* tetapi berlainan makna dalam dialek Kelantan. Contohnya, entri **alah** dalam *Kamus Dewan* bermakna "1. kalah, tewas; 2. sensitif

terhadap sesuatu jenis makanan (tubat dan lain-lain) hingga boleh menimbulkan kesan yang tidak baik pada kesihatan seseorang; 3. membendung (sungai untuk mengambil ikan), menebat, mengempang; 4. kata untuk menyatakan kesal atau rasa tidak senang (menunjukkan keberatan, ketika memujuk atau menggesa)", tetapi dalam dialek Kelantan makna **alah** ialah "arah sesuatu tempat".

- (iii) Entri dalam *Kamus Dewan* yang diberi penanda dialek Kelantan (KI) diambil untuk buku *Glosari Dialek Kelantan*. Contohnya, entri **keknya** KI dalam *Kamus Dewan* bermakna "tetapi", iaitu sama makna dengan *Glosari Dialek Kelantan*. Walau bagaimanapun, terdapat entri dalam *Kamus Dewan* yang diberi penanda dialek Kelantan yang tidak diambil untuk buku glosari kerana tidak dapat disahkan di kawasan kajian. Contohnya, entri **minduk** KI yang bermakna "penolong (perantara) dalam permainan puteri" tidak diambil untuk buku glosari dialek ini.
- (iv) Entri yang bersangkutan dengan adat resam dan budaya seperti nama kuih dan nama lauk hanya diberikan makna yang jelas tanpa diberikan ayat contoh. Begitu juga entri yang diambil daripada nama haiwan, hidupan laut (ikan, batu karang) dan nama tumbuhan (pokok, bunga, buah) tidak diberi ayat contoh tetapi dinyatakan nama saintifiknya jika dapat dikenal pasti.



Sebutan dialek yang dirakamkan dalam glosari ini menggunakan transkripsi fonetik antarabangsa, iaitu lambang rasmi bagi fonem dan bunyi konsonan. Transkripsi yang dibuat untuk glosari ini juga ialah transkripsi kasar.

Glosari Dialek Kelantan yang setebal 329 halaman ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh pengguna bahasa Melayu, khususnya pengkaji bahasa dan budaya Melayu, pelajar dan pendidik. Usaha penerbitan ini perlulah diteruskan demi kelangsungan dialek Melayu agar tidak lupus ditelan zaman. B